



**PERATURAN BASIKAL**  
**KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**( KARiSTA UiTM )**

**1. PERATURAN TEKNIKAL**

- 1.1 Peraturan-peraturan Persekutuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) adalah terpakai.
- 1.2 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran KARiSTA.
- 1.3 Kecuali apa yang disebut dalam peraturan yang menguasai dalam peraturan ini maka undang-undang dan peraturan Am KARiSTA adalah diikuti.
- 1.4 Hanya basikal bukit bersaiz 26, 27.5 dan 29 inci sahaja dibenarkan dan penggunaan *slick tyre* tidak dibenarkan sama sekali. Peserta juga tidak dibenarkan menggunakan *rigid fork*.
- 1.5 Semua peserta diwajibkan memakai topi keledar semasa pertandingan.
- 1.6 Semua peserta dikehendaki memakai jersi pasukan atau jersey basikal.
- 1.7 Semua peserta diwajibkan memakai nombor yang dibekalkan oleh penganjur.
- 1.8 Peserta tidak dibenarkan membawa kenderaan pasukan atau *support car* sepanjang pertandingan.
- 1.9 Peserta tidak dibenarkan melakukan aksi yang membahayakan peserta lain sepanjang pertandingan.
- 1.10 Peserta hendaklah sentiasa mematuhi arahan komisar dan marshall di sepanjang pertandingan.
- 1.11 Jika berlaku sebarang kerosakan pada basikal semasa pertandingan, peserta dibenarkan menukar basikal sesama ahli pasukan.
- 1.12 Sebarang masalah yang timbul kepada peserta semasa pertandingan hendaklah dimaklumkan dengan cara mengangkat tangan dan memberitahu apa yang diperlukan kepada komisar atau marshall yang bertugas.
- 1.13 Sebarang keraguan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARiSTA dan keputusan yang telah dibuat adalah muktamad.

## **2. PERATURAN PERTANDINGAN**

### **2.1 ACARA-ACARA**

- 2.1.1 Kategori Senior umur 39 tahun ke bawah
  - 2.1.1.1 30km+- Basikal Bukit Perseorangan Lelaki
- 2.1.2 Kategori Veteran umur 40 tahun ke atas
  - 2.1.2.1 30km+- Basikal Bukit Perseorangan Lelaki Veteran
- 2.1.3 Kategori Wanita Terbuka
  - 2.1.3.1 30km+- Basikal Bukit Perseorangan Wanita
- 2.1.4 Kategori Heavyweight berat badan 90 kilogram ke atas
  - 2.1.4.1 30km+- Basikal Bukit Perseorangan Lelaki atau Wanita
- 2.1.5 Kategori VIP (syarat tambahan di lampiran akhir)
  - 2.1.3.1 30km+- Basikal Bukit Perseorangan Lelaki atau Wanita

#### **Syarat Penyertaan bagi acara VIP:**

Memegang jawatan tertinggi seperti TNC / PNC / Rektor / Timbalan Rektor (sekurang-kurangnya Gred 54) / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan / di sesebuah organisasi atau jabatan di dalam UiTM. (ketua bagi unit tidak boleh dipertimbangkan);

Jika tidak memegang jawatan tertinggi peserta yang ingin menyertai acara ini adalah perlu :

Sekurang-kurangnya Gred 52 keatas;

Mempunyai jawatan Profesor penuh;

Mempunyai gelaran darjah kebesaran yang diterima di peringkat negeri atau di peringkat persekutuan.

### **2.2 LALUAN PERTANDINGAN**

- 2.2.1 Pertandingan akan dijalankan di atas jalanraya dan kawasan tanah merah serta berpasir.
- 2.2.2 Jarak bagi setiap kategori pertandingan adalah 30KM+-
- 2.2.3 Laluan akan dilengkapi dengan petunjuk arah.
- 2.2.4 Peserta akan dikawal oleh komisar dan marshall di sepanjang pertandingan.

## 2.3 PENDAFTARAN PASUKAN

- 2.3.1 Pendaftaran pasukan terbuka dan tidak dihadkan jumlah penyertaan untuk setiap kategori.
- 2.3.2 Setiap pasukan boleh menghantar sebanyak mungkin penyertaan tetapi pemenang hanya dikira secara individu sahaja.
- 2.3.3 Setiap peserta hendaklah berada ditempat permulaan 1 jam sebelum pertandingan bermula dan menandatangani senarai kehadiran peserta.
- 2.3.4 Bagi peserta untuk kategori 'heavyweight' peserta perlu membuat timbangan berat badan dihadapan komisar bermula pada jam 6.45 pagi pada hari perlumbaan.

## 2.4 PENENTUAN PEMENANG

- 2.4.1 Pemenang bagi acara perseorangan ditentukan daripada pelumba pertama yang sampai di garisan penamat dan begitu juga bagi pemenang yang seterusnya.
- 2.4.2 Peserta yang tamat digarisan penamat perlu melengkapkan *sticker check point* yang akan ditentukan lokasinya oleh pengajur dan kemenangan setiap peserta boleh ditarik balik sekiranya komisar atau marshall mendapati *sticker check point* tidak lengkap.
- 2.4.3 Setiap pasukan dibenarkan menyenaraikan sekurang-kurangnya 1 orang peserta bagi melayakkan bertanding dalam acara perseorangan.
- 2.4.4 *Plat number* yang diedar perlu dilekatkan dibahagian hadapan *handle bar* bagi memudahkan krew bertugas melekatkan *sticker check point* semasa perlumbaan.
- 2.4.4 *Plat number* yang diberi juga telah diselarikan dengan nama peserta dan kemenangan peserta boleh ditarik balik sekiranya terdapat peserta yang menukar *plat number* dengan peserta lain.
- 2.4.5 Hadiah bagi setiap kategori akan diberi bagi tempat pertama (emas), kedua (perak) dan ketiga (gangsa) yang akan dimasukkan ke dalam pingat kontinjen.
- 2.4.6 Semua pemenang dikehendaki berada ditempat penyampaian hadiah dengan pakaian pasukan masing-masing semasa Majlis Penyampaian Hadiah.
- 2.4.7 Kesemua peserta pertandingan yang menamatkan kayuhan dengan jayanya akan menerima medal penamat.